



27 JUN, 2021

Jualan dalam talian elak lambakan

Metro Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sudah melakukan beberapa program dan inisiatif bagi membantu peniaga mahupun pengusaha dalam memasarkan durian dan buah-buahan bermusim di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, isu lambakan durian yang tidak terjual tidak benar kerana permintaan durian ketika ini begitu tinggi di dalam pasaran tempatan mahupun luar negara.

"Isu berkenaan timbul kerana terdapat segelintir peniaga durian yang baru saja menceburi bidang itu dan berkemungkinan kurang mendapat pendedahan mengenai strategi pemasaran bagi memasarkannya.

"Sehubungan itu, Fama sudah menggunakan platform jualan dalam talian iaitu Shopee

untuk memastikan tiada lambakan durian pada musim yang sedang bermula di seluruh negara," katanya ketika ditemui dalam Program Sesi Libat Urus Fama Bersama Pemain Industri Durian Johor, di Pejabat Fama Tangkak, baru-baru ini.

Mustahapa berkata, pihak FAMA juga menganjurkan jualan dalam talian iaitu e-Durian Festival di e-FAMA Place di platform Shopee yang sudah bermula pada 20 hingga 30 Jun ini bagi durian di Pulau Pinang manakala dari 14 Julai hingga 1 Ogos pula bagi durian di Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak di platform yang sama.

"Ia antara usaha Fama dalam membantu mengatur pasaran durian di seluruh negara bagi mengelak berlaku lambakan

buah-buahan berkenaan sepanjang musim yang sedang berlangsung ketika ini.

"Fama juga bekerjasama dengan kilang memproses durian dan pihak kilang begitu memerlukan bekalan yang banyak serta ketika ini belum mencukupi untuk diproses," katanya.

Katanya, Fama juga mewujudkan 43 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara yang boleh digunakan untuk memasarkan durian ketika Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) ketika ini.

"Selain itu, Fama juga sedia memberi latihan kepada petani untuk memasarkan durian mereka secara langsung menerusi media sosial seperti Facebook Shop, Facebook Market Place, YouTube, WhatsApp dan



MOHAMAD

TikTok.

"Peniaga, pengusaha atau pekebun yang ingin mempelajarinya boleh berhubung dengan pihak Fama berhampiran supaya mereka dapat memanfaatkan kemudahan teknologi semasa," katanya.

Beliau berkata, isu

pemasaran durian adalah tidak begitu kritikal kerana Fama juga mempunyai cawangan peruncitan sendiri dan bekerjasama dengan kilang untuk memproses durian dari pekebun dan pengusaha. Fama sendiri mempunyai kilang memproses dan mengalakkan usahawan memasarkan secara terus.

"Jika pekebun atau pengusaha mengalami masalah memasarkan durian, mereka boleh menghubungi Pusat Pengurusan Krisis (CMC) di Fama negeri atau di pejabat Fama berdekatan untuk mendaftar bagi mendapatkan khidmat bantuan dari segi mengatur pasaran dengan sama ada dengan usahawan bimbingan yang lain dan kilang memproses durian," katanya.

Mengulas lanjut

mengenai isu harga durian yang mahal ketika ini, beliau berkata, ia bergantung kepada situasi pembekalan dan permintaan dalam pasaran durian itu sendiri.

"Di dalam negara kita mempunyai pelbagai jenis durian mengikut rasa dan kualiti masing-masing serta orang ramai mempunyai pilihan untuk membeli mengikut harga, kualiti serta rasa apabila membeli durian.

"Kepada penggemar durian mereka sebenarnya lebih bijak untuk menentukan pilihan jenis durian yang mereka mahu mengikut kemampuan dan cita rasa masing-masing.

"Seperti contoh durian Musang King yang dikatakan raja kepada segala jenis durian mempunyai harga yang tinggi kerana penjagaannya yang rumit untuk mengekalkan kualiti tekstur dan rasanya yang lebih sedap," katanya.



27 JUN, 2021

Jualan dalam talian elak lambakan

Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sudah melakukan beberapa program dan inisiatif bagi membantu peniaga mahupun pengusaha dalam memasarkan durian dan buah-buahan bermusim di seluruh negara. Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, isu lambakan durian yang tidak terjual tidak benar kerana permintaan durian ketika ini begitu tinggi di dalam pasaran tempatan mahupun luar negara.